

TEKS UCAPAN

YBHG DATO' IR. HAJI ISMAIL BIN MD SALLEH

SEMPENA

PERHIMPUNAN BULANAN

PADA

25 FEBRUARI 2015

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

Y.BERUSAHA TN. HAJI IR MOHD SALEH BIN SANTHIMAN

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y.BHG DATO' SR AZIZ BIN ABDULLAH

TIMBALAN KETUA PENGARAH (BISNES)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y. BERUSAHA PN. ZURAIDA BTE SHAHARUDIN

PENGARAH KANAN PENGURUSAN

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN

PEGAWAI DAN KAKITANGAN LLM

TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN

ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM 1 MALAYSIA.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah s.w.t. kerana dengan rahmat dan inayahNya, kita dapat samasama hadir dalam Majlis Perhimpunan Bulanan, Lembaga Lebuhraya Malaysia bagi bulan Februari 2015 ini.

PEMBATALAN PROJEK KIDEX OLEH KERAJAAN NEGERI SELANGOR

2. Sebagaimana kita sedia maklum, Kerajaan Negeri Selangor telah membatalkan projek Lebuhraya Kinrara-Damansara (KIDEX) pada 16 Februari 2015 di atas alasan tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Berhubung keputusan tersebut, perkara ini telah dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara untuk mendapatkan pandangan dari sudut perundangan memandangkan perjanjian konsesi adalah ditandatangani antara Kerajaan Persekutuan dan syarikat konsesi.

3. Lembaga Lebuhraya Malaysia sebagai agensi pelaksana projek telah berusaha untuk memastikan syarikat konsesi mematuhi segala proses dan standard prosidur yang telah ditetapkan termasuklah pra syarat yang mana sudah dikemukakan keseluruhannya kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES), ianya juga telah mendapat kelulusan prinsip bersyarat pada 23 Februari 2012 daripada kerajaan negeri.

4. Untuk makluman, projek lebuhraya KIDEX merupakan satu daripada penyelesaian dalam menangani kesesakan lalulintas di kawasan Lembah Klang dan Petaling Jaya di samping lebuh raya – lebuh raya lain yang dicadangkan Kerajaan Persekutuan ke arah mewujudkan jaringan rangkaian lebuhraya serta pengangkutan awam yang lebih sistematik. Pelbagai sesi dialog dan perjumpaan telah diadakan oleh pihak Berkuasa Tempatan dan syarikat konsesi kepada 76 Persatuan Penduduk, 172 Rukun Tetangga dan tidak ketinggalan engagement dengan sektor swasta dan perniagaan untuk menerang dan menjelaskan cadangan jajaran lebuhraya ini disamping memperoleh maklumbalas. Apa yang diharapkan sebarang keputusan yang dibuat mestilah mengambil kira manfaat kepada rakyat secara majoriti.

STATUS KPI DAN BELANJAWAN LLM

5. Setiap tahun kita telah menetapkan sasaran KPI supaya aktiviti yang telah direncanakan mengikut landasan yang betul. Namun begitu pada tahun lepas pencapaian KPI 2014 telah menurun iaitu 92.6% berbanding 96.01% pada tahun 2014. Punca penurunan ini adalah disebabkan ada aktiviti yang di luar kawalan kita seperti kelewatan pihak MAMPU menyemak garis panduan EKSA dan kelewatan kelulusan pihak ketiga di dalam penyiapan projek dan kelewatan kelulusan peruntukkan projek.

6. Bagi prestasi belanja mengurus tahun 2014, kita telah belanjakan sebanyak RM 42,386,834.79 iaitu 87.86% daripada bajet yang diperuntukan. Prestasi belanja mengurus ini telah menurun berbanding tahun 2013 iaitu 96.69%. Hasil semakan mendapati antara punca peruntukan tidak dibelanjakan ialah seperti berikut:

i) Terdapat perbelanjaan yang dicajkan ke akaun Sumbangan Kajian, Latihan dan Pembangunan Lebu Raya.

ii) Jumlah belanja sebenar kurang dari yang diperuntukkan bagi perkara berikut :

- Emolumen
- Elaun lebih masa
- Perbelanjaan utiliti dan
- perhubungan
- Bekalan barang am
- Penyewaan mesin penyalin
- Kursus dan latihan
- Pembelian kenderaan pejabat
- Penyenggaraan kenderaan
- Perolehan komputer dan perisian

iii) Terdapat beberapa kerja/perbelanjaan yang telah dirancang/diperuntukkan tetapi tidak dilaksanakan.

7. Penurunan prestasi bagi KPI dan Prestasi Belanja Mengurus perlu diberi perhatian sepenuhnya agar perkara sebegini tidak berulang dimasa hadapan. Prestasi sebegini boleh menjejaskan reputasi LLM sebagai organisasi yang telah berusia lebih daripada 30 tahun.

LEBUHRAYA PANTAI TIMUR FASA 2

8. Projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT 2) merupakan satu projek infrastruktur berimpak tinggi dibawah Rancangan Malaysia ke 10 (RMK-10) yang melibatkan pembinaan jajaran lebuh raya sejauh 184 kilometer dari Jabor sehingga ke Gemuruh, di bahagian utara Kuala Terengganu yang melibatkan kos mencecah hampir RM4.1 billion. Pembukaan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 sepenuhnya pada 31 Januari 2015 secara tidak langsung memberi kemudahan dan keselesaan orang ramai terutamanya memendekkan tempoh perjalanan yang hanya memakan masa hanya kira-kira satu jam setengah berbanding laluan biasa yang mengambil masa tiga jam.

9. Sebahagian jajaran Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT 2) adalah di bawah pakej kawal seliaan LLM iaitu dari Bukit Besi KM362.9 ke Telemung KM424.87 di mana operasi dan penyenggaraan lebuh raya di bawah seliaan LLM. Jajaran yang melibatkan pakej Jabatan Kerja Raya (JKR) iaitu dari Jabor sehingga ke Bukit Besi dengan jarak sejauh 119.85 KM. Kerja-kerja operasi dan penyenggaraan di jajaran ini adalah di bawah seliaan JKR sehingga

penswastan LPT 2 berkuatkuasa. Walau bagaimana bermula 1 Februari 2015 perkhidmatan pasukan ronda LPT 2 telah dilaksanakan secara menyeluruh oleh LLM bagi keseluruhan jajarannya.

10. Antara cabaran baru bagi LLM adalah masalah penambahan trafik secara mendadak yang menyebabkan kesesakan lalu lintas khususnya pada musim-musim perayaan. Pendekatan yang diambil LLM adalah dengan membuka lorong tambahan (portable reader) bagi mengurangkan masa menunggu pembayaran tol selain meletakkan anggota pasukan trafik bagi mengawal trafik. Selain itu, LLM juga telah mengambil inisiatif mengingatkan membuat makluman awal melalui medium-medium sosial dengan menyarankan pengguna LPT 2 mengisi minyak secukupnya bagi melancarkan perjalanan di LPT 2. Hal ini adalah kerana tiada kemudahan stesen minyak di sepanjang LPT 2.

11. Cabaran lain yang dihadapi adalah masalah haiwan liar/ternakan yang menceroboh masuk ke dalam kawasan jajaran lebuh raya. LLM bersama dengan JKR telah mengambil langkah kawalan dengan membuat pemantauan lebih kerap di lokasi yang dikenal pasti sering dicerobohi oleh haiwan berkenaan. Selain itu, tindakan lain yang diambil untuk mengatasi masalah ini adalah dengan membaiki segera pagar yang rosak akibat daripada gejala *vandalisme*, memasang gegelung dawai berduri di lokasi sering diceroboh dan

membina kesedaran orang ramai untuk memantau haiwan ternakan masing-masing dan juga mendapatkan kerjasama dari pelbagai pihak termasuk pejabat pegawai daerah dan pihak polis.

MAJLIS SUMBANGAN KEPADA KELUARGA WARGA LLM AKIBAT BENCANA BANJIR PENGHUJUNG TAHUN 2014

12. Sebagaimana kita sedia maklum, pada penghujung tahun 2014 beberapa buah negeri terutama di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak telah dilanda banjir. Lanjutan daripada itu satu tabung dana telah diadakan dengan kerjasama BKSS bagi meringankan beban yang ditanggung ahli keluarga warga LLM yang terlibat dengan banjir. Hasil daripada kutipan tersebut telah diserahkan kepada 7 orang warga LLM yang rumah ibu bapa mereka terlibat dengan banjir semalam dalam majlis penyerahan sumbangan yang diadakan secara ringkas pada 24 Februari 2015. Diharap sumbangan tersebut dapat meringankan kerugian yang ditanggung oleh keluarga mereka.

MUSIM PANAS EKSTREM MELANDA NEGARA

13. Selepas bencana banjir, kini Negara diramalkan berdepan dengan musim panas ekstrem bermula minggu depan sehingga awal April ini berikutan fenomena Ekuinoks yang menyebabkan matahari berada tepat di atas garisan khatulistiwa. Musim panas yang ekstrem melanda pada minggu depan boleh

memberi tekanan fizikal kepada tubuh badan dan kesihatan manusia termasuk menyebabkan kematian seperti strok haba. Kes penyakit denggi pula akan meningkat kerana masyarakat menyimpan air di dalam bekas simpanan yang tidak ditutup malah cuaca panas juga merangsang pembiakan nyamuk dan replikasi virus dalam nyamuk. Justeru kebersihan kawasan persekitaran pejabat perlu dipertingkatkan bagi membendung pembiakan nyamuk aedes. Masalah kekurangan air dalam badan juga adalah yang paling bahaya semasa cuaca kering dan panas kerana perubahan kandungan garam galian dalam badan boleh menyebabkan strok haba berlaku. Kita digalakkan supaya minum banyak air suam, air isotonik dan hadkan aktiviti luar yang terdedah kepada cuaca panas terik terutamanya pegawai dan kakitangan kita yang membuat pemantauan projek di tapak.

TINDAKAN PENJAWAT AWAM YANG MENDEDAHKAN MAKLUMAT TERPERINGKAT KERAJAAN

14. Sejak kebelakangan ini, terdapat beberapa insiden yang melibatkan penjawat awam membocorkan dokumen dan maklumat terperingkat Kerajaan kepada pihak luar atau pihak tidak perlu mengetahui. Penyebaran maklumat ini mudah dilaksanakan melalui aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan media sosial seperti *WhatsApp*, *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya. LLM memandang serius terhadap perkara ini dan tidak akan berkompromi terhadap pegawai dan kakitangan LLM yang didapati membocorkan dokumen / maklumat

terperingkat. Tindakan sewajarnya akan diambil kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat melalui peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 setelah dibuktikan kesalahannya.. Saya ingin mengingatkan agar pegawai dan kakitangan menggunakan aplikasi ICT dan media sosial secara berhemah bagi mengelakkan kebocoran maklumat / dokumen terperingkat dan penyebaran maklumat yang tidak sah.

15. Harus disedari, aktiviti mendedahkan maklumat ini bersangkutan juga dengan integriti setiap daripada kita. Integriti tidak terhad kepada sesuatu perkara sahaja, sebaliknya perlu sentiasa dicerminkan dalam semua tindakan, sama ada melalui penampilan diri, sikap dan keputusan yang diambil. Dalam sesebuah organisasi, kita tidak dapat lari daripada keperluan integriti setiap daripada ahlinya, malah seseorang ketua sebenarnya amat memerlukan kepada integriti ahli organisasi yang lain untuk menggerakkan organisasi dan begitu juga sebaliknya. Sekiranya ada di kalangan ahli yang tidak mempunyai nilai integriti dalam melaksanakan tugas, maka ianya akan merosakkan reputasi organisasi secara keseluruhan, ibarat “kerana nila setitik, rosak susu sebelanga”.

Hadiri yang dihormati sekalian,

ANCAMAN MILITAN ISLAMIC STATE (IS)

16. Sebagaimana hadirin sedia maklum ancaman dari Militan IS ini begitu serius dan amat merbahaya sehingga Kerajaan telah memutuskan satu kertas putih dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri di Dewan Parlimen. YAB Perdana Menteri telah maklumkan bahawa 39 rakyat Malaysia terlibat dalam IS di Syria dan Iraq. Di Malaysia seramai 40 orang lagi telah ditahan . Ini semua merupakan ancaman-ancaman yang serius dan ada anggota dan kakitangan kerajaan juga tidak terlepas.

17. Sebelum perkara ini menjadi terlalu serius, menyebabkan kejadian terorisme berlaku dalam negara kita, maka kerajaan mengambil keputusan untuk membentangkan Rang Undang-Undang Khas pada sesi yang datang termasuk juga pindaan kepada undang-undang yang sedia ada seperti SOSMA dan sebagainya supaya kita mempunyai kemampuan yang lebih ampuh lagi untuk menghadapi ancaman yang saya anggap sebagai amat serius. Di peringkat LLM, pemantauan akan dibuat ke atas aktiviti-aktiviti dan email warga LLM supaya tiada yang terlibat dengan fahaman kumpulan IS.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

18. Bagi mengakhiri ucapan, saya ingin menyeru dan mengingatkan warga LLM supaya sentiasa berusaha untuk mengekalkan momentum kecemerlangan dan berkualiti dalam memberikan perkhidmatan terbaik. Semoga kita beroleh manfaat dan pengetahuan yang berguna melalui perhimpunan pada pagi ini.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.